

DOKUMEN INI MILIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BUTIR-BUTIR KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP SENAT
PENYELIDIKAN DAN INOVASI (JKTSPI) YANG TELAH DISAHKAN**

MESYUARAT : BIL. 14/2025
KERTAS KERJA : BIL. 129/2025
TARIKH : 23 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

NO. MINIT 4.13

Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis Dan Disertasi Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

- Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

PENERANGAN KANDUNGAN KERTAS KERJA :

Kertas kerja ini bertujuan mendapat perakuan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan dan Inovasi (JKTSPI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai cadangan pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2021-2025 telah menggariskan strategi dan program sebagai panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan inisiatif projek digital KPT secara lebih tersusun dan efektif.

Sejajar dengan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan 20 Landasan Meningkatkan Prestasi Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Negara untuk memperkasa sektor pendidikan tinggi negara pada tahun 2024 dan seterusnya. Dalam 20 landasan tersebut, terdapat penekanan dan perhatian kepada penyampaian pendidikan yang inklusif dan holistik, termasuk usaha untuk membawa sistem pendidikan ke arah pendigitalan dalam mempertingkatkan budaya pembelajaran dan budaya keserjanaan.

Dengan matlamat tersebut, pelaksanaan akses terbuka tesis dan disertasi turut selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 bagi memperkasakan peranan khutub khanah di universiti dengan pembentukan inisiatif *National Digital Library* di mana pihak Universiti

**SULIT / CABUTAN MINIT MESYUARAT JKTSPI BIL. 14/2025
KERTAS KERJA BIL. 129/2025**

Malaya telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan. Sistem perpustakaan digital yang dibangunkan akan menggalakkan lagi perkongsian secara terbuka di antara universiti dan meningkatkan keterlihatan penyelidik di peringkat kebangsaan dan global.

Perkongsian tesis dan disertasi dalam kalangan penyelidik universiti awam dapat dilaksanakan dengan penubuhan Jawatankuasa Inisiatif Akses Terbuka Universiti Awam bagi menyediakan Dasar dan Garis Panduan Pelaksanaan Akses Terbuka Tesis Dan Disertasi. Jawatankuasa ini melibatkan 20 Universiti Awam di Malaysia, dan diketuai oleh Ketua Pustakawan UTHM. Jawatankuasa ini telah dilantik oleh Ketua Pengarah, KPT pada tahun 2024.

Pada 9 September 2024, Draf Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNCRA) dan mendapat perakuan, seterusnya dibentangkan pula dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Tinggi (MPJPT), KPT pada 9 Disember 2024 dan diperakukan dengan pindaan judul daripada Cadangan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Universiti Awam Malaysia kepada Cadangan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Bagi mencapai hasrat ini, Cadangan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada 7 Februari 2025, dan susulan itu KPT mengeluarkan arahan/pekeliling kepada semua Universiti Awam untuk mengangkat dasar tersebut ke pihak berkuasa universiti masing-masing bagi kelulusan pemakaian serta pelaksanaannya. Berikutan itu, pada 13 Februari 2025 telah diadakan Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berhubung pelaksanaan kerjasama Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Universiti Awam Malaysia yang turut dihadiri oleh semua Naib Canselor universiti awam.

Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia juga turut menyokong kepada elemen Sains Terbuka (*Open Science*). Di Malaysia, Sains Terbuka bermula pada November 2019 apabila Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) melancarkan Platform Sains Terbuka Malaysia (MOSP). Platform ini bertujuan mengumpul, memelihara, dan menjadikan data penyelidikan mudah diakses berlandaskan prinsip FAIR (Findable, Accessible, Interoperable, Reusable).

**SULIT / CABUTAN MINIT MESYUARAT JKTSPI BIL. 14/2025
KERTAS KERJA BIL. 129/2025**

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini dikemukakan bagi tujuan mendapatkan perakuan pelaksanaan dan pemakaian dasar ini di UTeM, selaras dengan edaran rasmi Dasar Akses Terbuka dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan dan Inovasi dengan segala hormatnya dipohon untuk memperakukan cadangan pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

KERTAS KERJA DIBENTANGKAN OLEH :

Cik Rasida Binti Abu Bakar; Perpustakaan Laman Hikmah (PLH).

KEPUTUSAN MESYUARAT JKTSPI BIL. 14/2025 :

- i) Mesyuarat mengambil maklum bagi permohonan cadangan pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- ii) Mesyuarat bersetuju :
 - a) supaya PLH melaksanakan akses terbuka bagi tesis lima (5) tahun terakhir dalam repositori institusi seperti ketetapan berikut :
 - i. Tesis tahun 2020 hingga 2022 akan dijadikan akses terbuka pada tahun 2025.
 - ii. Tesis tahun 2023 akan dijadikan akses terbuka pada tahun 2026.
 - iii. Tesis tahun 2024 akan dijadikan akses terbuka pada tahun 2027.
 - b) memperakukan permohonan cadangan pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
 - c) memperakukan 676 naskhah tesis dari tahun 2020 hingga Jun 2024 yang telah disemak dan memilih kategori *Open Accses* untuk pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan pengecualian 10 naskhah program pengajian *Doctor of Engineering* (D.Eng.)

**SULIT / CABUTAN MINIT MESYUARAT JKTSPI BIL. 14/2025
KERTAS KERJA BIL. 129/2025**

- d) memperakukan 195 naskhah tesis bagi tempoh Julai 2024 hingga September 2025. Jumlah ini merujuk kepada tesis yang telah menggunakan *Borang Declaration of Master/Doctoral Thesis/Dissertation* susulan kelulusan Mesyuarat JKPS Bil. 7/2024.

Tindakan : Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Dikeluarkan oleh :


.....

Puan Sharifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar

Timbalan Pendaftar Kanan
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Dikeluarkan pada :

30 September 2025